

17/08/2000

Afrika Selatan mahu perkukuh kerjasama pertahanan

KUALA LUMPUR, Rabu - Afrika Selatan berhasrat memperkukuhkan kerjasama dengan Malaysia dalam bidang pertahanan, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, hasrat itu disampaikan oleh bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, dalam pertemuan dengannya di Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Katanya, Mandela juga berharap Malaysia akan menimbang membeli peralatan pertahanan termasuk helikopter dari negara itu.

Najib bagaimanapun berkata, perbincangan beliau dengan Mandela tidak menyentuh mengenai kemungkinan pembelian peralatan pertahanan itu dibuat menerusi sistem barter.

Beliau berkata, Afrika Selatan juga sanggup menawarkan program latihan dan pemindahan teknologi jika Malaysia membeli peralatan pertahanan dari negara itu.

Selain itu, Najib berkata, Mandela bercerita mengenai peranannya dalam usaha menentukan keamanan di Timur Tengah, di samping melahirkan penghargaan amat tinggi di atas sumbangan Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam membantu mewujudkan Afrika Selatan baru.

Terdahulu, Mandela mengunjungi Dr Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya. Dr Mahathir dan Mandela mengadakan perbincangan tertutup selama setengah jam sebelum majlis makan tengah hari di kediaman rasmi Perdana Menteri.

Turut serta dalam majlis itu ialah Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar.

Mandela pernah ke negara ini pada awal 1990-an dan kali terakhir berada di sini pada 1997.

Beliau dijangka melawat beberapa tempat tarikan pelancong di negara ini sebelum berlepas pulang Jumaat ini.

(END)